Menurut Naib Canselor UUM, Prof Dato Dr Mohamed Mustafa Ishak, melalui kerjasama ini, UUM membuka peluang kepada warganya sama ada kakitangan mahupun pelajar untuk menyambung pelajaran di universiti-universiti terkemuka di Amerika Syarikat melalui jalinan kerjasama yang dibentuk. Malahan, hubungan antara UUM dengan MUCIA ini juga akan membolehkan IPTA lain menjalin kerjasama dengan MUCIA melalui UUM.

Sementara itu, Presiden MUCIA, Prof Phil Smith menyatakan MUCIA melihat UUM sebagai rakan kongsi strategik yang dapat membina rangkaian dan kerjasama pengajian tinggi yang lebih bermakna di antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Melalui program pasca siswazah UUM yang dinamik dan inovatif, MUCIA merasakan kerjasama yang dimertai ini mampu menjadi pemangkin kepada hubungan yang realiistik dan berdaya maju dalam bidang pengajian tinggi Malaysia-Amerika Syarikat.

Dalam kunjungan berkenaan, Naib Canselor UUM telah disambut oleh Presiden dan Pengarah Eksekutif MUCIA, Prof Phil Smith dengan disertai oleh pegawai-pegawai MUCIA dan ahli-ahli akademik dari Michigan State University (MSU).

Habis.

==========

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my